

NOTA AMALAN NO. 2/2021

PENJELASAN BERHUBUNG PERBELANJAAN ATAU PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI MAKSUD POTONGAN YANG DIBENARKAN DALAM KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN SUKUK DAN SUKUK RUNCIT YANG DISTRUKTUR MENURUT PRINSIP WAKALAH) 2021 [P.U.(A) 5/2021]

- 1.0 Nota Amalan ini dikeluarkan bagi memberikan panduan berkaitan perbelanjaan atau perbelanjaan tambahan yang dibenarkan sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Ke Atas Terbitan Sukuk Dan Sukuk Runcit Yang Distruktur Menurut Prinsip Wakalah) 2021 [P.U.(A) 5/2021].
- 2.0 P.U.(A) 5/2021 ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2025.
- 3.0 Insentif cukai di bawah P.U.(A) 5/2021 merupakan suatu pelanjutan insentif cukai yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Ke Atas Terbitan Sukuk) 2019 [P.U.(A) 118/2019] dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Ke Atas Terbitan Debentur Runcit Dan Sukuk Runcit) 2019 [P.U.(A) 117/2019] yang kedua-duanya tamat dalam tahun taksiran 2020. P.U.(A) 5/2021 yang baru ini mengekalkan kesan insentif yang diberikan di bawah P.U.(A) 117/2019 dan P.U.(A) 118/2019 dalam satu perundangan subsidiari.
- 4.0 P.U.(A) 5/2021 ini memperuntukkan mengenai perbelanjaan atau perbelanjaan tambahan yang dibenarkan sebagai potongan, yang dilakukan ke atas terbitan sukuk dan sukuk runcit yang distruktur menurut prinsip *Wakalah*, dalam menentukan pendapatan larasan suatu syarikat daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran. Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah amaun yang bersamaan dengan jumlah amaun yang dinyatakan dalam subkaedah (5) atau (6) P.U.(A) 5/2021.
- 5.0 Perbelanjaan tambahan yang diperuntukkan di bawah P.U.(A) 5/2021 ialah:
 - a) fi profesional yang berhubungan dengan usaha wajar, penggubalan dan penyediaan prospektus;
 - b) kos percetakan prospektus;
 - c) kos pengiklanan prospektus;
 - d) fi pendaftaran prospektus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
 - e) fi pemprosesan dan fi penyenaiaan permulaan Bursa Malaysia;
 - f) fi pengkreditan terbitan baharu Bursa Malaysia; dan
 - g) fi pengagihan utama.

- 6.0 Layanan berhubung potongan bagi perbelanjaan dan perbelanjaan tambahan ke atas terbitan sukuk dan sukuk runcit yang distruktur menurut prinsip wakalah adalah seperti berikut:

Senario	Jumlah potongan perbelanjaan yang layak di bawah P.U.(A) 5/2021						
<p>Senario 1</p> <p>Syarikat A telah menerbitkan sukuk di mana perbelanjaan yang dilakukan untuk terbitan sukuk berkenaan adalah sebanyak RM250,000 bagi tahun taksiran 2021. Sukuk yang diterbitkan adalah sukuk yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan tidak diterbitkan atau ditawarkan kepada pelabur runcit.</p>	<p>Syarikat A layak menuntut RM250,000 sebagai potongan perbelanjaan.</p>						
<p>Senario 2</p> <p>Syarikat B telah menerbitkan sukuk di mana perbelanjaan yang dilakukan untuk terbitan sukuk berkenaan adalah sebanyak RM300,000 bagi tahun taksiran 2021. Jumlah ini adalah termasuk perbelanjaan tambahan sebanyak RM50,000 yang dilakukan untuk kos percetakan dan pengiklanan propektus. Sukuk yang diterbitkan adalah sukuk runcit yang ditawarkan kepada pelabur runcit.</p>	<p>Syarikat B layak menuntut RM250,000 sebagai potongan perbelanjaan. Perbelanjaan tambahan bagi penerbitan sukuk runcit sebanyak RM50,000 layak mendapat potongan 2 kali. Maka jumlah potongan perbelanjaan yang layak dituntut oleh Syarikat B adalah RM350,000.</p> <p><u>Pengiraan:</u></p> <table data-bbox="715 1451 1495 1659"> <tr> <td data-bbox="715 1451 1252 1541">Perbelanjaan (tidak termasuk perbelanjaan tambahan)</td> <td data-bbox="1300 1451 1495 1485">RM 250,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="715 1563 1252 1597">Perbelanjaan tambahan (RM50,000 x2)</td> <td data-bbox="1300 1563 1495 1597">RM <u>100,000</u></td> </tr> <tr> <td data-bbox="715 1619 1252 1653">Jumlah potongan perbelanjaan</td> <td data-bbox="1300 1619 1495 1653">RM <u>350,000</u></td> </tr> </table>	Perbelanjaan (tidak termasuk perbelanjaan tambahan)	RM 250,000	Perbelanjaan tambahan (RM50,000 x2)	RM <u>100,000</u>	Jumlah potongan perbelanjaan	RM <u>350,000</u>
Perbelanjaan (tidak termasuk perbelanjaan tambahan)	RM 250,000						
Perbelanjaan tambahan (RM50,000 x2)	RM <u>100,000</u>						
Jumlah potongan perbelanjaan	RM <u>350,000</u>						

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

TARIKH PENERBITAN: 03 SEPTEMBER 2021